

DATE: 14/11/2008

# Kenyataan Mahathir amaran kepada Melayu

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa sesiapa sahaja boleh menjadi Perdana Menteri merupakan amaran tegas kepada orang Melayu supaya tidak mengambil mudah sesuatu perkara.

"Kalau berlaku pergeseran yang mana Melayu tidak bersatu atau tidak bercakap dalam satu nada, kita akan

lihat orang lain menerajui kerajaan.

"Ia adalah amaran tegas, khususnya kepada orang Melayu supaya mereka sentiasa bersatu padu untuk menerajui kepimpinan negara kerana sudah 52 tahun ahli daripada UMNO menjadi Perdana Menteri dan ini tidak salah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi merasmikan Pameran Perdagangan Antarabangsa (Intrade) Malaysia dan Forum Perdagangan Perdagangan Antarabangsa (KLITF) 2008, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Mahathir yang membidas pihak tertentu yang cuba membangkitkan persoalan tentang keperluan mempunyai seorang Perdana Menteri dari kalangan bukan Melayu atas alasan agar negara tidak

dilihat mengamalkan perkauman.

Menurutnya, parti yang mewakili kaum Melayu, sebagai contoh UMNO yang mengetuai parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili Cina, India, penduduk Sabah atau Sarawak perlu terus kukuh dan bersatu bagi memastikan orang Melayu terus menjadi Perdana Menteri sama ada secara tradisi atau konvensional.

"Apa yang dikatakan oleh Tun tidak

harus mewujudkan polemik kerana ia (kenyataan) yang berasaskan kepada apa yang terkandung dalam perlembagaan yang tidak menyatakan Perdana Menteri mesti berasaskan kaum.

"Bagaimanapun, saya tidak mengatakan sama ada saya bersetuju atau tidak mengenainya," katanya.

Beliau berkata, perkara itu bergantung kepada rakyat dan senario politik negara pada masa hadapan.